

25 SEP 2002
Filipina-Siasatan
POLIS KE MANILA SIASAT DAKWAAN ROGOL GADIS

SANDAKAN, 25 Sept (Bernama) -- Sekumpulan pegawai penyiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan wakil badan kehakiman negara ini berlepas ke Manila hari ini bagi memulakan siasatan terhadap dakwaan seorang gadis Filipina berusia 13 tahun dirogol di pusat tahanan sementara (PTS) di negeri ini.

Duta Besar Malaysia ke Filipina, Mohamad Taufik Mohamad Noor ketika mengesahkan perkara itu berkata mereka akan tiba di ibu negara republik itu petang ini.

"Siasatan oleh pasukan itu akan mengambil masa kira-kira tiga hari," katanya kepada pemberita selepas melawat PTS Sandakan di sini, hari ini.

Beliau menyatakan keyakinan bahawa kumpulan pegawai penyiasat itu akan mendapat kerjasama secukupnya daripada pihak berkuasa Filipina bagi membolehkan siasatan rapi dijalankan.

"Pihak kedutaan tidak akan campurtangan terhadap urusan siasatan itu kerana ia adalah tanggungjawab pihak berkuasa kedua-dua negara. Kami juga tidak diberitahu di mana gadis itu berada pada ketika ini," kata beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini mengarahkan siasatan rapi dilakukan terhadap dakwaan berkenaan.

Ekoran itu PDRM telah menubuhkan satu pasukan khas bagi menyiasat kesahihan dakwaan itu.

Mengenai lawatannya ke PTS di Sabah, Mohamad Taufik berkata beliau mendapati tahanan mendapat layanan baik daripada pihak berkuasa Malaysia.

Bercanggah dengan dakwaan pelbagai pihak termasuk ahli-ahli kongres, pemimpin pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan di Filipina, beliau tidak mendapati apa-apa bentuk penganiayaan terhadap pendatang tanpa izin Filipina di pusat-pusat tahanan.

"Penasihat presiden bagi hal-ehwal masyarakat Islam di negara itu, Nur Jaafar sendiri mengatakan layanan adalah baik tetapi kenyataan beliau itu masih diragui pihak-pihak tertentu di Filipina yang cenderung memutarbelit fakta," katanya.

-- BERNAMA
CFM JS ZB